

Program Pengurusan Diri dan Kewangan Pelajar

UB 28.2.2019 B2

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar menganjurkan Program Pengurusan Diri dan Kewangan Pelajar pada 22 Februari 2019 bertempat di Auditorium Pascasiswazah, UMS.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan berkaitan pengurusan diri dan kewangan pelajar tahun 1 B40 baharu sesi 2018/2019.

Seramai 157 orang pelajar daripada kalangan B40 menyertai program yang mendapat sambutan amat baik daripada peserta program.

Diharapkan pada masa hadapan program ini dapat diteruskan bagi memantap pengurusan diri dan kewangan pelajar serta mengekalkan keputusan cemerlang.

Perkongsian ceramah



JEMPUTAN perkongsian pelajar ikon B40 Siti Khadijah Ladja Bungsu dan Mohd Auzal Khan Bakri.

disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Pegawai Psikologi Adzmil Abidin dan pelajar ikon B40 Siti Khadijah Ladja Bungsu dan Mohd Auzal Khan Bakri dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW).

Turut hadir dalam program ini adalah Ketua JHEP Ahmadi Hj. Nurdin mewakili Timbalan Naib Canselor (HEPA), Ketua Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar, JHEP Norhanieyati Norhaizat dan kakitangan JHEP.